

PERBAHASAN DALAM PARLIMEN: SATU ANALISIS DARI SUDUT BAHASA

Abd Ganing Laengkang

Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya

abdganing@um.edu.my

Abstrak

Kesantunan dalam perbahasan di parlimen menunjukkan peradaban yang tinggi dan menggambarkan imej yang baik untuk Malaysia di mata dunia. Sebaliknya, perbahasan yang dipenuhi dengan ketidaksantunan akan memperlihatkan keperibadian dan identiti negara yang amat rendah. Kajian ini merupakan tinjauan awal terhadap satu sesi perbahasan dalam Sidang Parliment Malaysia Ke-15 dan Penggal Pertama. Perbahasan ini berlangsung selama 1 jam 30 minit dan ia melibatkan Tuan Yang Di-Pertua Dewan Rakyat, Perdana Menteri Dato Sri Anwar Ibrahim, dan beberapa ahli parliment lain. Kajian ini menggunakan konsep Kesantunan Paling Luas oleh Sanat Md. Nasir yang telah diperincikan oleh Noriati Ab Rashid (2005). Kajian ini menunjukkan pelbagai kategori dan strategi kesantunan, seperti kategori ungkapan rabbani, kategori rujukan sumber, kategori penghargaan dan kategori budiman. Namun, pengkaji mencadangkan agar kajian lanjut dan mendalam perlu dilakukan pada masa akan datang. Hal ini kerana kajian ini hanya mengambil satu sesi perbahasan sahaja yang kurang daripada dua jam. Walau bagaimanapun, kajian ini telah memberikan gambaran awal mengenai amalan kesantunan berbahasa di Parliment Malaysia.

Kata kunci: kesantunan bahasa, parliment, ahli parliment, Malaysia.

1. Pengenalan

Kesantunan bahasa merupakan satu ukuran ketinggian keperibadian seseorang. Semakin tinggi nilai kesantunan seseorang, semakin tinggi nilai keperibadian diri orang tersebut. Munif Zariruddin Fikri Nordin (2012) pula melihat kesantunan bahasa dalam konteks agama. Beliau berpendapat bahawa kesantunan bahasa merupakan manifestasi keimanan dan ketakwaan. Dengan perkataan lain, ketiadaan amalan kesantunan dalam diri menunjukkan kerapuhan iman dan takwa seseorang. Oleh itu, kesantunan bahasa merupakan satu unsur yang sangat penting, bukan sahaja melambangkan keperibadian, malah menjadi sebahagian daripada tuntutan agama. Fungsi atau tujuan utama kesantunan bahasa adalah untuk memelihara hubungan manusia dengan manusia, dan hubungan manusia dengan Allah SWT (Awang Sariyan, 2007).

Dalam konteks peradaban sesebuah negara, semakin tinggi nilai kesantunan bahasa dalam kalangan masyarakatnya, semakin tinggi nilai peradaban negara tersebut. Parliment merupakan satu institusi negara yang sangat penting untuk menunjukkan nilai peradaban Malaysia. Parliment merupakan badan perundangan tertinggi dan menjadi medan utama demokrasi di Malaysia. Ia merangkumi Yang Dipertuan Agong, Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Selain itu, parliment menjadi platform utama perbahasan mengenai penggubalan undang-undang, dasar, tindakan negara dan sebagainya. Oleh itu, perbahasan yang memperlihatkan amalan kesantunan bahasa akan menjadikan Malaysia sebagai negara yang berperadaban dan bertamadun tinggi di mata masyarakat antarabangsa. Sebaliknya, perbahasan yang dipenuhi dengan kebiadaban dan ketidaksantunan berbahasa akan menonjolkan keperibadian dan identiti negara yang negatif. Oleh itu, kesantunan bahasa amat penting dijaga sepanjang perbahasan bagi memelihara imej negara di mata dunia.

2. Objektif

Kajian ini merupakan tinjauan awal untuk memperlihatkan amalan kesantunan bahasa secara umum dalam kalangan ahli parliment ketika membahaskan sesuatu isu atau usul. Pengkaji akan mengenal

pasti dan memperincikan kategori dan strategi kesantunan dalam perbahasan parlimen. Kajian ini penting untuk menilai kewujudan ciri-ciri kesantunan bahasa dalam perbahasan.

3. Metodologi dan Bahan Kajian

Kajian ini dilakukan dengan menggunakan pendekatan kualitatif dan analisis kandungan. Kajian ini menganalisis ucapan dalam kalangan ahli parlimen Malaysia dengan menggunakan kerangka konsep kesantunan yang dikemukakan oleh Sanat Md Nasir yang telah diperincikan oleh Noriati Ab Rashid (2005), dan dikemas kini semula oleh Abd Ganing (2010). Noriati Ab Rashid memanfaatkan konsep Kesantunan Paling Luas yang diperkenalkan oleh Sanat, yang melihat kesantunan bahasa dalam kerangka agama Islam. Menurut Sanat, kesantunan bukan sahaja amalan dalam sesuatu budaya, sebaliknya kesantunan bahasa perlu dilihat dalam kerangka ibadah atau tuntutan agama.

Dari segi bahan kajian, pengkaji akan menganalisis perbahasan yang berlangsung pada 20 Disember 2022. Bahan analisis diperoleh melalui Penyata Rasmi Parliment Dewan Rakyat (Hansard) yang dimuat turun daripada laman sesawang rasmi Parliment Malaysia. Perbahasan ini diadakan pada Penggal Kelima Belas dan Mesyuarat Pertama. Perbahasan ini berlangsung selama 1 jam 28 minit. Perbahasan ini melibatkan Tuan Yang di-Pertua, Dato Seri Anwar Ibrahim (Perdana Menteri dan ahli Parliment Tambun), Tuan Wan Ahmad Fayhsal Wan Ahmad Kamal [Ahli Parliment Machang], Datuk Haji Awang bin Hashim [Pendang], Tuan Lim Lip Eng [Ahli Parliment Kepong], Dr. Haji Abd Ghani bin Ahmad [Ahli Parliment Jerlun], Datuk Willie anak Mongin [Puncak Borneo], dan Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau], Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna], dan beberapa ahli parliment lain.

4. Kerangka Teoretis

Sanat Md Nasir tidak menolak konsep kesantunan berbahasa yang mengatakan bahawa kesantunan bahasa hanya sebagai satu unsur budaya. Beliau sebaliknya menganggap konsep kesantunan berdasarkan budaya hanyalah konsep kesantunan sempit dan luas kerana tidak dihubungkan dengan tuntutan agama. Oleh itu, Sanat Md Nasir telah mengemukakan satu gagasan Kesantunan Paling Luas, iaitu satu konsep yang menjadikan Islam sebagai asas dalam memberikan pengertian kesantunan bahasa. Kajian ini menggunakan kerangka konsep kesantunan Paling Luas oleh Sanat Md Nasir (2000), yang telah diperincikan oleh Noriati Ab Rashid (2005), dan dikemas kini semula oleh Abd Ganng (2010). Terdapat istilah *kategori kesantunan* dan *strategi kesantunan* dalam kajian kesantunan bahasa. Kategori kesantunan ialah jenis-jenis kesantunan, manakala strategi ialah cara atau kaedah bertutur secara santun bagi sesuatu kategori.

Jadual 1: Kategori dan Strategi Kesantunan Bahasa

Kategori Kesantunan	Strategi Kesantunan
Ungkapan Rabbani	Bismillah & doa, salam, insya-Allah dan syukur.
Rujukan Sumber	Rujukan Islam & rasul, rujukan penceramah, rujukan kajian.
Penghargaan	Terima kasih, dan pujian.
Berhemah	Kecindan, sapaan, cadangan, harapan.
Relevan	Strategi berkaitan.
Kuantiti	Mencukupi
Cara	Penjelasan, kejelasan (mesti jelas), tertib, pengulangan, pemberian contoh, dan penegasan.

Jadual di atas menunjukkan tujuh kategori kesantunan bahasa 21 strategi kesantunan bahasa yang telah dimanfaatkan oleh Abd Ganing (2010). Oleh itu, kajian ini akan menggunakan kerangka teoretis yang sama untuk menganalisis kesantunan bahasa dalam satu sesi perbahasan di Parlimen Malaysia. Walau bagaimanapun, kajian ini akan memberi tumpuan terhadap lima kategori kesantunan bahasa, iaitu kategori rujukan sumber, kategori berhemah, ungkapan rabbani, budiman, dan penghargaan. Lima kategori kesantunan ini dipilih kerana empat kategori tersebut merupakan asas atau teras kesantunan bahasa. Kategori kuantiti, relevan dan cara merupakan kategori yang bersifat umum. Huraian berikut merupakan lima kategori bersama dengan strategi kesantunan yang wujud dalam sesi perbahasan.

5 Kategori Ungkapan Rabbani

Kategori Ungkapan Rabbani dikemukakan oleh Noriati Abd. Rashid (2005) dengan maksud ujaran-ujaran yang menunjukkan kebesaran Allah secara langsung dan dalam masa yang sama menunjukkan kekerdilan manusia. Kategori ini lazimnya dalam bentuk kata pinjaman bahasa Arab atau dipetik langsung daripada al-Quran. Dalam kajian ini, pengkaji menemui empat strategi kesantunan rabbani, iaitu seperti berikut:

5.1 Strategi Bismillah & doa

Strategi bismillah dan doa merupakan ungkapan yang disampaikan pada awal sesuatu majlis dan bertujuan untuk memohon kebaikan dan perlindungan Allah SWT (Abd Ganing, 2010). Bagi Noriati Abd Rashid (2005), ujaran bismillah dan doa merupakan satu strategi untuk meletakkan Allah di tempat utama sebelum melakukan sebarang urusan. Dalam konteks ini, tindakan meletakkan Allah sebelum memulakan sebarang urusan menunjukkan nilai kesantunan bahasa yang sangat tinggi. Dalam konteks perbahasan di Parlimen, ungkapan doa dan bismillah dilakukan sebelum memulakan perbahasan.

- i. Doa (dibacakan sebelum memulakan persidangan).
- ii. **Bismillahi Rahmani Rahim** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. (Tuan Yang di-Pertua)
- iii. Saya difahamkan ada yang **terkorban dan banjir makin melanda dengan ganasnya**. Jadi kita mendoakan agar keadaan ini akan reda dan *insya-Allah*, ..

Berdasarkan analisis terhadap Hansard, pengkaji hanya menemui perkataan doa di bahagian awal Hansard, tanpa transkripsi doa. Namun demikian, doa tersebut boleh ditonton melalui YouTube rasmi *Malaysia Insight*¹. Doa tersebut mengandungi puji-pujian kepada Allah SWT. Selain itu, doa tersebut mengandungi permintaan agar Allah memberikan kemakmuran, keamanan, kebahagiaan, hidayah, kesejahteraan, dan memakbulkan doa yang dipohon. Doa yang diamalkan sebelum memulakan persidangan merupakan satu nilai kesantunan yang tinggi kerana meletakkan Allah dalam segala aspek kehidupan, termasuk urusan tinggi negara. Contoh 2 di atas, *ungkapan Bismillahir rahmanir rahim* membawa maksud *Dengan nama Allah yang Maha Pemurah dan Maha Mengasihani*. Dalam konteks lakuan bahasa, ungkapan tersebut dilihat sebagai satu permintaan kebaikan dan perlindungan daripada Allah yang Maha Pemurah dan Pengasih. Hal ini turut menggambarkan manusia mengakui kebesaran dan keagungan Allah SWT. Doa yang dilakukan merupakan satu bentuk kesantunan kerana masih mengingati saudara yang dalam kesusahan.

¹ <https://www.youtube.com/watch?v=p4FGQJ2xGME>

5.2 Strategi Salam

Raja, R. (2019) mengatakan bahawa ucapan salam merupakan salah satu etika kesopanan. Bagi Wan Aminur Rashid (2002), ungkapan salam *assalamualaikum* ialah ucapan khas bagi umat Islam. Ucapan salam berfungsi sebagai pengerat hubungan persaudaraan sesama manusia Muslim. Dalam konteks perbahasan di Parlimen, ucapan salam yang disampaikan merupakan nilai kesantunan yang dapat mengeratkan hubungan sesama ahli parlimen. Kajian ini mendapati tiga ucapan salam, iaitu dua salam permulaan, dan satu salam penutup.

- i. ***Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*** (Tuan Yang di-Pertua). Ahli-ahli Yang Berhormat, *selamat pagi semua*. Sebelum kita ...
- ii. Sekian. ***Assalammualaikum warahmatullahi*** wabarakatuh. (Tuan Yang di-Pertua).

Contoh 1 dan contoh 2 di atas menunjukkan ucapan salam pembukaan dan penutup oleh Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Tuan Yang di-Pertua merupakan pihak yang mengendalikan dan mengetuai perbahasan dan beliau telah memainkan peranannya dengan baik kerana memulakan dan menutup perbahasan dengan salam. Salam yang diucapkan oleh kedua-dua pihak di atas menunjukkan nilai kesantunan bahasa yang tinggi. Secara umumnya, hanya tiga ucapan salam oleh dua orang sepanjang perbahasan.

5.3 Strategi Insya-Allah

Secara umumnya, ungkapan *insya-Allah* membawa maksud *jika diizinkan Allah*. Ungkapan ini merujuk kepada menjaga hubungan manusia dengan Allah SWT dan memperlihatkan sikap rendah diri dalam kalangan masyarakat Islam (Abd Ganing, 2010). Manusia tidak mempunyai kuasa untuk menentukan masa depan melainkan dengan keizinan Allah SWT. Oleh itu, ungkapan *insya-Allah* merupakan satu bentuk kesantunan bahasa. Dalam kajian ini, terdapat 10 kali perkataan *insya-Allah* diucapkan oleh Tuan Yang di-Pertua, dan Dato' Seri Anwar Ibrahim.

- i. Tuan Yang di-Pertua: ***Insya-Allah***, saya akan... (memasukkan aturan mesyuarat untuk membahaskan tindakan kerajaan dalam menangani banjir) (Tuan Yang di-Pertua).
- ii. ... Menumpukan perhatian untuk menjana pertumbuhan ekonomi yang lebih meyakinkan. ***Insya-Allah*** itu akan saya lakukan. (Dato' Seri Anwar Ibrahim).

Dalam contoh 1, Tuan Yang di-Pertua mengungkapkan *insya-Allah* sebagai maklum balas terhadap permintaan ahli Parlimen Machang, iaitu Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal. Ahli parlimen tersebut meminta Tuan Yang di-Pertua agar memasukkan satu usul untuk membahaskan tindakan kerajaan dalam menangani masalah banjir. Contoh 2 pula merupakan ujaran yang menunjukkan Dato Seri Anwar Ibrahim memohon keizinan Allah SWT ketika melakukan janji untuk menaikkan pertumbuhan ekonomi. Secara keseluruhannya, perkataan *insya-Allah* merupakan satu tindakan yang tidak mendahului atau mengatasi Allah SWT.

5.4 Kata Kunci Islam dan hukum Islam

Kajian ini mengemukakan kata kunci Islam atau kata-kata yang berunsurkan ajaran Islam atau perkataan yang dipetik secara langsung daripada al-Quran atau hadis. Selain itu, hukum Islam yang diujarkan merupakan satu unsur ungkapan rabbani. Dalam kajian ini, pengkaji menemui satu ujaran yang mengandungi kata kunci Islam, iaitu seperti berikut:

1. Sepertimana biasa didengar di sebelah sini dan di sebelah sana kita tahu ini. [Berucap dalam bahasa Arab ***Taklif wala tashrif***] Ini kebertanggungjawaban, bukan keistimewaan.

Contoh 1 di atas diujarkan oleh Dato Seri Anwar Ibrahim ketika menjelaskan tanggungjawab yang dipikul. Beliau mengatakan bahawa jawatan yang dipegang bukanlah satu keistimewaan yang perlu dibanggakan, sebaliknya satu tanggungjawab yang perlu dijalankan dengan baik. Beliau menggunakan kata kunci dalam bahasa Arab, iaitu *Taklif wala tashrif* untuk meyakinkan pendengar bahawa konsep tersebut merupakan ajaran Islam. Penggunaan kata kunci yang dipetik secara langsung daripada bahasa Arab merupakan satu unsur kesantunan bahasa dan kerana ia boleh dipertanggungjawabkan.

6 Kategori Penghargaan

Noriati (2005) memperkenalkan kategori penghargaan dengan maksud, penghargaan diberikan kepada seseorang kerana tindakannya disenangi oleh orang lain. Islam mengajar kita agar memberi penghargaan kepada sesiapa yang telah berjasa kepada kita (Abd Ganing, 2010). Dalam kajian ini, pengkaji menemui dua strategi penghargaan, iaitu strategi terima kasih dan strategi ucapan tahniah.

6.1 Strategi Terima kasih

Ucapan terima kasih merujuk kepada ujaran yang memberikan penghargaan atas jasa dan kebaikan yang diberikan oleh seseorang. Lazimnya, orang memberi bantuan atau berjasa kepada orang lain akan berasa gembira dan dihargai sekiranya diberikan ucapan terima kasih oleh orang yang dibantu. Dalam kajian ini, pengkaji menemui 39 ucapan terima kasih, dan hal ini menunjukkan sikap yang baik dalam kalangan ahli parliment Malaysia.

- i. ... Dimohon agar pemindahan ini diluluskan oleh Dewan Rakyat. **Terima kasih.** (Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan).
- ii. Yang kedua Tuan Yang di-Pertua ialah untuk mengucap **terima kasih** kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk ... (Perdana Menteri)

Dalam contoh 1 di atas, ucapan terima kasih disampaikan oleh Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan selepas membentangkan satu resolusi. Ucapan itu ditujukan kepada Dewan Rakyat atas peluang yang diberikan. Contoh 2 pula menunjukkan Perdana Menteri mengucapkan terima kasih kepada ahli Dewan Rakyat atas sokongan yang diberikan kepada kerajaan, termasuk kepada barisan pembangkang. Pengkaji merumuskan bahawa amalan terima kasih dalam kalangan ahli parliment amat tinggi ketika perbahasan di parliment Malaysia.

6.2 Ucapan Tahniah

Pengkaji berpendapat bahawa ucapan tahniah merupakan satu unsur penghargaan kepada seseorang atas jasa dan pencapaian mereka. Selain sebagai penghargaan, kajian ini turut melihat ucapan tahniah sebagai sebahagian daripada kesantunan menurut perspektif Islam kerana dapat merapatkan hubungan antara sesama insan. Dalam perbahasan di parliment Malaysia, pengkaji menemui satu ucapan tahniah yang diucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, iaitu seperti berikut:

- i. ... oleh sebab ini kesempatan awal, saya ingin mengucapkan **sekali lagi tahniah** kepada Tuan Yang di-Pertua dan ... (Perdana Menteri)
- ii. tetapi unjuran kita untuk tahun ini – **tahniah juga** Mantan Menteri Kewangan kerana prestasinya sedikit lebih baik daripada apa yang diunjurkan ... (Perdana Menteri)

Contoh 1 di atas menunjukkan Perdana Menteri memberikan ucapan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua atas kejayaan mengawal keadaan dan sikap para ahli parliment semasa berbahas. Contoh 2 juga ucapan tahniah disampaikan oleh Perdana Menteri, Dato Seri Anwar Ibrahim, kepada mantan menteri

kewangan atas kejayaan dan prestasi yang baik. Kedua-dua ucapan tahniah tersebut merupakan penghargaan dan ia dapat menimbulkan perasaan gembira dan dihargai.

7 Kategori Rujukan Sumber

Abd Ganing (2010) menggabungkan dan mengemas kini teori kesantunan Grice dengan *konsep rujukan* yang diperincikan oleh Noriati (2005). Kedua-dua teori ini menekankan aspek kebenaran dan kejujuran dalam penyampaian maklumat. Dalam konteks ini, kejujuran dan kebenaran maklumat yang disampaikan merupakan aras kesantunan bahasa. Setiap maklumat yang disampaikan mestilah benar dan mempunyai bukti agar ungkapan yang disampaikan dapat dipertanggungjawabkan (Abd Ganing, 2010). Terdapat beberapa strategi rujukan kesantunan untuk menggambarkan rujukan yang benar dan jujur.

7.1 Strategi Rujukan diri

Strategi rujukan diri diperkenalkan oleh Abd Ganing et al (2019) dengan maksud sumber daripada diri sendiri, dan segala maklumat yang disampaikan akan dipertanggungjawabkan kepada penutur itu sendiri. Penanda linguistik yang diberikan oleh Abd Ganing et al (2019) ialah *saya fikir*, *saya ingat*, *saya katakan*, *saya nampak* dan sebagainya. Dengan perkataan lain, kata nama diri pertama merupakan penanda rujukan diri. Dalam kajian ini mendapati penanda linguistik rujukan diri, seperti *saya kata*, *saya ingat*, *saya rasa*, *saya quote* (saya petik) dan sebagainya. Contohnya adalah seperti berikut:

1. ... **saya menyatakan bahawa** pentadbiran ini tidak akan tolak ansur untuk pertahankan kepentingan majoriti yang kebetulan adalah orang Melayu dan bumiputera Sabah dan Sarawak. (Dato' Seri Anwar bin Ibrahim).
2. **Saya ingat** usul yang dibentangkan ini berkaitan dengan usul yang telah pun *ditablekan* di atas meja. (Dr. Haji Abd Ghani bin Ahmad)

Contoh 1 di atas menunjukkan rujukan diri berdasarkan penanda linguistik *saya mengatakan*. Dalam konteks ini, penutur tersebut membuat pernyataan dengan merujuk kepada diri bahawa tidak ada kompromi demi kepentingan golongan miskin, yang sebahagian besar adalah orang Melayu. Contoh 2 juga merupakan rujukan diri yang melalui penanda linguistik, *saya ingat*. Penanda linguistik menjadikan diri penutur sebagai sumber maklumat bahawa usul yang dikemukakan sebenarnya telah dibentangkan sebelum ini. Secara umumnya, lakuhan rujukan diri bermaksud maklumat yang disampaikan disandarkan pada diri penutur sendiri.

7.2 Rujukan Peraturan dan Undang-undang

Peraturan dan undang-undang yang sah merupakan sumber maklumat yang berautoriti dan boleh dipertanggungjawabkan. Dengan perkataan lain, kesantunan bahasa turut berdasarkan rujukan terhadap peraturan atau undang-undang yang sahih. Pengkaji terdahulu tidak memperkenalkan strategi kesantunan ini secara khusus. Kajian ini menemui rujukan peraturan dan undang-undang, iaitu seperti berikut:

- i. ... **Mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1)**, saya mohon mencadangkan bahawa Mesyuarat pada hari ini tidak akan... (Dato Seri Anwar Ibrahim)
- ii. “**Bahawa Dewan ini, menurut seksyen 4 Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406]**, membuat ketetapan bahawa suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari Lima Puluh Lima Bilion. (Tuan Yang di-Pertua).

Contoh 1 di atas menunjukkan penutur menggunakan peraturan untuk mengemukakan cadangan. Hal ini menunjukkan bahawa cadangan yang dikemukakan telah mengikut peraturan dan tidak boleh dipersoalkan. Contoh 2 pula menunjukkan rujukan undang-undang pernyataan mengenai jumlah peruntukan yang perlu dikeluarkan. Undang-undang yang dimaksudkan ialah Seksyen 4 Akta Kumpulan Wang Pembangunan. Hal ini bermakna kesantunan bahasa dalam sesuatu ucapan ditandai dengan rujukan peraturan atau undang-undang.

7.3 Rujukan Institusi

Dalam kajian ini, maklumat rasmi atau kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan oleh institusi merupakan maklumat yang berautoriti dan boleh dipertanggungjawabkan. Oleh itu, pernyataan yang dibuat oleh seseorang berdasarkan sumber maklumat yang diperoleh daripada institusi negara adalah sebahagian daripada konsep kesantunan bahasa. Institusi negara yang dimaksudkan adalah seperti institusi tertinggi negara, iaitu pejabat Yang Dipertuan Agong, Kementerian, Jabatan-jabatan kerajaan, dan sebagainya. Contoh kesantunan bahasa berdasarkan rujukan institusi adalah seperti berikut:

- i. Saya quote ini, phrase yang **digunakan oleh Yang di-Pertuan** Agong travesty of justice. Pelanggaran prinsip keadilan. (Dato Seri Anwar Ibrahim)
- ii. **Mengikut Jabatan Meteorologi**, bukan sahaja 45 ribu, mungkin akan meningkat ke-10 juta-keluarga yang terkesan. (Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman).

Contoh 1 di atas menunjukkan Perdana Menteri Dato Seri Anwar Ibrahim memetik pernyataan ketua negara, iaitu Yang Dipertuan Agong. Pernyataan yang dipetik tersebut bersandarkan ketua tertinggi negara dan ia berautoriti. Contoh 2 pula menunjukkan bahawa Jabatan Meteorologi dijadikan sebagai sumber rujukan untuk memberikan justifikasi agar Parlimen membahaskan usul untuk membantu mangsa banjir. Jabatan Meteorologi merupakan institusi negara yang dipertanggungjawabkan untuk melakukan ramalan cuaca. Secara keseluruhannya, pernyataan yang bersumber institusi negara merupakan pernyataan santun kerana boleh dipertanggungjawabkan.

7.4 Rujukan Tokoh

Tokoh didefinisikan oleh Kamus Dewan (2015) sebagai seorang yang terkemuka dan terkenal dalam sesuatu bidang. Dalam konteks ini, tokoh bermaksud seorang pakar atau ahli dalam bidang tertentu, seperti ketokohan dalam bidang agama, bahasa, sastera, dan sebagainya. Pernyataan atau maklumat yang dikeluarkan oleh seorang tokoh merupakan pernyataan yang berkualiti dan boleh dipertanggungjawabkan. Oleh itu, ia merupakan antara penentu kesantunan bahasa. Dalam kajian ini, pengkaji menemui rujukan tokoh, iaitu seperti berikut:

- i. Cuma ada kadang-kadang **mengikut Shakespeare** dia kata, “*A tale told by an idiot, full of sound and fury, signifying nothing*”. Jadi kita kena sabar kerana tidak semua kenyataan itu bertanggungjawab.

Contoh 1 di atas menunjukkan Dato Seri Anwar Ibrahim memetik kata-kata mutiara seorang tokoh Inggeris yang terkenal dalam bidang kesusasteraan, iaitu William Shakespeare. Tokoh ini wujud antara abad ke-16 dan awal abad ke-17. Menurut Tatipang, D. P. (2022), William Shakespeare dikenali sebagai penulis bahasa Inggeris terhebat dalam sejarah, dan mendapat jolokan penyair kebangsaan England, dan pengarang dengan karya teater yang paling banyak dimainkan setakat ini. Petikan terhadap kata-kata tokoh terhebat Inggeris merupakan satu penanda kesantunan berbahasa dalam ucapan. Petikan tersebut dapat diterjemahkan sebagai “Kisah yang diceritakan oleh orang

bodoh dan oleh orang yang penuh dengan kemarahan, kisah yang diceritakan tersebut tidak akan membawa sebarang makna.

8 Kategori Berhemah

Noriati Ab Rashid (2005) mengemukakan kategori berhemah, dengan maksud sikap lemah lembut semasa bercakap atau semasa berunding. Beliau memetik surah Ali-Imran ayat 159 bagi menggambarkan sikap berhemah. Dalam konteks ini, konsep berhemah bergantung pada kebijaksanaan penutur dalam memilih strategi kesantunan. Dalam kajian ini, pengkaji menemui empat strategi bagi kategori berhemah, iaitu kecindan, sapaan, cadangan dan harapan.

8.1 Strategi Sapaan Gelaran

Strategi sapaan merujuk kepada ujaran yang menunjukkan sikap menghormati semua pihak yang terlibat dalam komunikasi. Abd Ganing (2015) memperlihatkan pelbagai penanda linguistik sistem sapaan dalam ceramah motivasi, antaranya ialah yang saya hormati, yang saya mulikan, anak-anak, adik-adik, dan sebagainya. Menurut Alizuddin & Nik Mohd Arif (2020), sistem sapaan dalam masyarakat Melayu sangat unik dan melambangkan nilai kesantunan masyarakat Melayu. Tambah mereka lagi, sistem panggilan menunjukkan perasaan hormat, memuliakan seseorang, merapatkan hubungan kekeluargaan, persaudaraan, dan sebagainya. Dalam konteks perbahasan di parliment Malaysia, sistem sapaan lebih kepada sapaan gelaran anugerah yang diamanahkan. Sapaan gelaran bermaksud sistem sapaan yang diterima oleh seseorang kerana pencapaian dan sumbangan yang telah dicurahkan (Ab Razak et al, 2018). Dalam kajian ini, pengkaji mendapati pelbagai sapaan gelaran digunakan dalam perbahasan, antaranya ialah Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat, Yang Berhormat Perdana Menteri, Yang Berhormat Muar (lazimnya digandingkan dengan nama kawasan yang diwakili), Menteri Kewangan, dan sebagainya. Contohnya adalah seperti berikut:

1. Assalamualaikum, warahmatullahi wabarakatuh. **Ahli-ahli Yang Berhormat**, selamat pagi semua. (Tuan Yang di-Pertua).
2. Beberapa **Ahli Yang Berhormat** termasuk **Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Pasir Mas** bangkitkan ... (Dato' Seri Anwar Ibrahim).

Contoh 1 di atas menunjukkan Tuan Yang di-Pertua menyapa semua ahli Dewan Rakyat dengan gelaran Yang Berhormat semasa memulakan perbahasan, iaitu satu sistem gelaran yang diberikan kepada ahli parliment di Malaysia. Contoh 3 menunjukkan Dato' Seri Anwar Ibrahim menyapa ahli parliment dengan gelaran bersekali dengan nama tempat yang diwakili, seperti *Yang Berhormat Arau* dan *Yang Berhormat Pasir Mas*. Arau dan Pasir Emas merupakan nama kawasan parliment. Gelaran *Yang Berhormat* yang digandingkan dengan nama tempat menunjukkan rasa hormat kepada suara rakyat di kawasan yang diwakili. Secara keseluruhan, kajian ini merumuskan bahawa sistem sapaan merupakan satu tanda kesantunan bahasa dalam perbahasan di parliment.

8.2 Ucapan Takziah

Menurut Ramli, M. S. et al (2015), isu perkabungan dan takziah bukan sahaja suatu ibadah dan atau adat yang menjaga kepentingan sosial, malah ia merupakan adab dan akhlak mulia ketika menghadapi situasi yang mendukacitakan. Oleh itu, kajian ini menjadikan ucapan takziah sebagai satu tanda kesantunan yang berhemah kerana ujaran ini membawa maksud kebersamaan kepada mereka yang ditimpa bencana atau kepada keluarga yang kehilangan orang yang tersayang. Ucapan takziah menggambarkan perasaan turut berduka atas kehilangan ahli keluarga. Dalam kajian ini, terdapat satu ucapan takziah, iaitu seperti berikut:

- i. ingin saya **mengucapkan takziah kepada** mangsa-mangsa banjir yang melanda di Pantai Timur.

Contoh 1 di atas merupakan ucapan takziah yang disampaikan oleh Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat kepada mangsa banjir di kawasan Pantai Timur. Hal ini menunjukkan tindakan Tuan Yang di-Pertuan mengajak semua ahli parliment Malaysia agar sama-sama merasai penderitaan mangsa banjir di Pantai Timur. Ucapan takziah tersebut menandakan kesantunan bahasa dan hati nurani dalam diri Tuan Yang di-Pertuan Dewan Rakyat.

8.3 Permintaan

Permintaan merupakan tindakan menginginkan seseorang untuk melakukan sesuatu. Dalam konteks kesantunan bahasa, permintaan boleh dilakukan secara sopan atau kurang sopan. Asdar, A. et al (2019) menunjukkan bahawa kesantunan ditandai oleh perkataan seperti mohon, tolong, ayuh, mari dan sebagainya. Dalam perbahasa di parliment, pengkaji menemui pelbagai jenis penanda kesantunan, antaranya ialah mohon, izinkan saya, dengan izin dan sebagainya.

- i. **Mohon pertimbangan** Tuan Yang di-Pertua untuk memasukkan dalam aturan mesyuarat bagi kita membahaskan berkenaan tindakan kerajaan dalam.. (Tuan Wan Ahmad Fayhsal)
- ii. Akan tetapi **izinkan saya** mengulangi kenyataan penghargaan kepada rakan-rakan yang memberikan ruang kepada saya untuk meneruskan tanggungjawab. (Dato Seri Anwar Ibrahim).

Contoh 1 menunjukkan Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal (Ahli parliment Machang) melakukan permintaan yang sopan kerana disertakan dengan perkataan *mohon*. Perkataan *mohon* menunjukkan harapan yang amat tinggi, dalam masa yang sama menunjukkan pemohon sebagai orang kerdil. Permintaan boleh memberikan bebanan kepada pihak yang diminta dan perkataan *mohon* mampu mengurangkan bebanan yang dirasai oleh pihak diminta. Oleh itu, perkataan *mohon* menandakan kesantunan dalam permintaan. Dalam contoh 2, Permintaan yang disampaikan oleh Dato Seri Anwar Ibrahim sebagai perdana menteri Malaysia menggunakan *izinkan aya* untuk membuat sesuatu. Permintaan tersebut menunjukkan amalan kesantunan bahasa kerana meminta masa untuk menyatakan penghargaan kepada pihak yang menyokong beliau menjadi perdana menteri. Kepatuhan kepada peraturan merupakan satu unsur kesantunan bahasa.

9 Kategori Budiman

Noriati Ab Rashid (2005) mengemukakan konsep Budiman sebagai satu unsur penting dalam menilai kesantunan. Menurut beliau, kategori kesantunan bermaksud hati yang mengandungi niat ikhlas, kasih sayang, dan belas kasihan. Sebanyak empat strategi yang dikemukakan oleh Noriati untuk memenuhi konsep budiman, iaitu strategi memudahkan, ikhlas, maaf, dan merendah diri. Permintaan maaf menjadikan seseorang itu akan disenangi oleh ramai (Nadeak, S. I., & Hasibuan, R. A, 2017). Dalam kajian ini, pengkaji hanya menemui satu strategi sahaja, iaitu strategi meminta maaf

1. Tadi saya ingat saya hendak serah kepada Timbalan Menteri untuk sambung. **Minta maaf, minta maaf.** (Dato' Seri Anwar bin Ibrahim).
2. Saya **mohon maaf** Tuan Yang di-Pertua menyebut perkara ini kerana soal pengampunan itu penting, yang menyebut mengambil ... (Dato' Seri Anwar bin Ibrahim)

Contoh 1 di atas menunjukkan Dato' Seri Anwar Ibrahim melakukan permohonan maaf disebabkan kesilapan kecil dalam perbahasan. Contoh 2 pula menunjukkan Dato' Seri Anwar Ibrahim meminta maaf kerana mengambil peluang untuk mengatakan sesuatu yang di luar daripada isu perbahasan. Permohonan maaf itu ditujukan secara khusus kepada Tuan Yang di-Pertua. Secara umumnya,

permohonan maaf merupakan satu amalan mulia kerana dapat menghapuskan dosa dan dapat menjaga hubungan persaudaraan.

10 Kesimpulan

Kajian ini merupakan kajian tinjauan awal terhadap amalan kesantunan bahasa dalam perbahasan di Dewan Rakyat, Malaysia. Kajian tinjauan ini dilakukan untuk melihat unsur-unsur kesantunan bahasa, seperti ungkapan rabbani, sumber rujukan, berhemah, dan budiman. Secara keseluruhannya, perbahasan di parlimen memperlihatkan ciri-ciri kesantunan bahasa yang baik. Namun demikian, pengkaji mencadangkan kajian lanjut yang lebih mendalam dilakukan terhadap kesantunan bahasa dalam dewan rakyat. Cadangan ini dikemukakan kerana kajian ini hanya memilih satu perbahasan, iaitu perbahasan pada Penggal Kelima Belas, Penggal Pertama, Mesyuarat Pertama. Perbahasan ini pula hanya berlangsung dalam tempoh yang agak singkat, iaitu kurang daripada dua jam. Oleh itu, dapatkan kajian tidak menggambarkan keseluruhan perbahasan di Parlimen.

11. Rujukan

- Abd Ganing. L., Ab Karim, A. R., & Makhtar, R. (2019). *Strategi rujukan dan kesantunan dalam forum Wacana Sinar Harian. E-Jurnal Bahasa dan Linguistik*, 1(1), 1-18.
- Alizuddin, N. A., & Nik Mohd Arif, N. N. A. (2020). Analisis sistem sapaan dalam kad undangan perkahwinan Melayu. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa (PPIB)*. <https://doi.org/10.51200/manu.vi.2696>
- Asdar, A., Hamsiah, H., & Angreani, A. V. (2019). Kesantunan bahasa guru dalam proses belajar-mengajar di SMP Negeri 35 Makassar. *Klasikal: Journal of Education, Language Teaching and Science*, 1(1), 75–80. <https://doi.org/10.52208/klasikal.v1i1.13>
- Awang Sariyan. 2007. *Santun Bahasa*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Grice, H. P, 1975. “Logic and Conversation” dlm. Cole, P., & Morgan (Ed). *Syntax and Semantic: Speech Act*. New York: Academic Press, 41-58.
- Karim, A. R. A., Laengkang, A. G., & Makhtar, R. (2018). Analisis sistem sapaan dalam forum wacana Sinar Harian. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 5(2), 243–256.
- Nadeak, S. I., & Hasibuan, R. A. (2017). Perancangan buku ilustrasi pop up dengan tema perilaku sopan santun siswa dalam kehidupan sehari-hari untuk TK Al-Fauzi Medan. *Jurnal Ilmiah Publipreneur*, 5(1), 40–47. <https://doi.org/10.46961/jip.v5i1.112>
- Nordin, M. Z. F. (2012). Analisis wacana prinsip kesantunan berbahasa dalam al-Quran dan Hadis. In M. Maros, M. F. Jaafar, & M. Yusof (Eds.), *Prinsip dan Aplikasi Kesantunan Berbahasa* (pp. 43-62). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noriati A. Rashid, (2006). Perkembangan pengkajian kesantunan: Satu tinjauan. *Jurnal Bahasa*, 6(4), 657-678
- Noriati A. Rashid. (2005). *Kesantunan orang Melayu dalam majlis pertunangan*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ramli, M. S., et al. (2015). Konsep perkabungan dan takziah menurut perspektif syarak. In *International Conference on Aqidah, Dakwah And Syariah 2015 (IRSYAD2015)*, Kuala Lumpur, 12th–13th October 2015.
- Sanat Md. Nasir. (1998). Konsep Penting Dalam Pengajian Melayu. Dlm Sanat Md Nasir dan Rogayah A. Razak (Ed.), *Pengajian Bahasa Melayu Memasuki Alaf Baru* (hlm. 113-125). Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Sanat Md. Nasir. (2000). Tatabahasa Wacana Bahasa Melayu. Kertas kerja dibentangkan di *Seminar Kebangsaan Tatabahasa Wacana Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 28 Oktober 2000.

- Sanat Md. Nasir. (2001). Teori Atqakum Dalam Pemikiran Pengajian Melayu. (Kertas kerja dibentangkan) *Seminar Kebangsaan Bahasa dan Pemikiran*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Waddle, M., Bull, P., & Böhnke, J. R. (2019). "He Is Just the Nowhere Man of British Politics": Personal Attacks in Prime Minister's Questions. *Journal of Language and Social Psychology*, 38(1). <https://doi.org/10.1177/0261927X18767472>